



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN GEOGRAFI SEKOLAH MENENGAH RENDAH (SMR) (TINGKATAN 1)



PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA
2001

RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip berikut:

- KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
- KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
- KELUHURAN PERLEMBAGAAN
- KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
- KESOPANAN DAN KESUSILAAN

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

KATA PENGANTAR

Huraian Sukatan Pelajaran ialah dokumen yang memperincikan kandungan Sukatan Pelajaran yang bertujuan untuk memenuhi cita-cita murni dan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan pada abad 21.


Dokumen ini menyarankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pelbagai aktiviti dan penggunaan sumber. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid. Huraian ini diharapkan akan dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan.

Dalam melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru diharapkan dapat memberi penekanan kepada unsur bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi, kecerdasan pelbagai, pembelajaran masteri, pembelajaran secara kontekstual, pembelajaran secara konstruktivisme, dan pembelajaran akses sendiri. Di samping itu, nilai murni dan semangat patriotik dan kewarganegaraan tetap diutamakan. Semua elemen ini diharapkan dapat memberi keyakinan kepada murid dan diaplikasikan dalam kehidupan harian dan dunia pekerjaan.

Guru perlu peka terhadap tahap kecerdasan murid dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Geografi. Penggunaan pelbagai pedagogi, kesepaduan ilmu dan pemilihan bahan bantu mengajar yang sesuai dan menarik seperti penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi hendaklah sentiasa dipraktikkan semasa pengajaran dan pembelajaran subjek ini. Pembentukan suasana pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah yang kondusif dengan melibatkan murid dapat menarik minat mereka mengikuti pengajaran dengan berkesan dan menggemirakan.

Dalam menyediakan Huraian Sukatan Pelajaran ini banyak pihak terlibat terutama guru, pensyarah maktab dan universiti serta pegawai Kementerian Pendidikan, dan individu yang mewakili badan-badan tertentu.

Kepada semua pihak yang memberi sumbangan kepakaran, masa dan tenaga sehingga terhasilnya Huraian Sukatan Pelajaran ini, Kementerian Pendidikan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.



(Dr. SHARIFAH MAIMUNAH BT. SYED ZIN)

Pengarah

Pusat Perkembangan Kurikulum

Kementerian Pendidikan Malaysia

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Rukun Negara	i
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	ii
Kata Pengantar	iii
Kandungan	iv
Pendahuluan	1
Matlamat	2
Objektif	2
Kandungan Mata Pelajaran Geografi	2
Kemahiran Berfikir dan Kemahiran Generik	3
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	6
Organisasi Kurikulum	7
Objektif Mata Pelajaran Geografi Sekolah Menengah Rendah	9
Bahagian A: Kemahiran Geografi	10
Bahagian B: Geografi Fizikal dan Manusia	16
Bahagian C: Kajian Geografi Tempatan	44

PENDAHULUAN

Mata pelajaran Geografi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) bertujuan untuk melengkapkan murid dengan pemahaman dan kemahiran geografi. Pemahaman dan kemahiran ini hendaklah disepadukan dengan pemupukan dan perkembangan nilai-nilai murni yang berkaitan dengan keperluan hidup. Unsur-unsur patriotisme diberi penekanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Geografi adalah kajian tentang organisasi ruangan sebagai hasil daripada pelbagai saling kaitan dan interaksi antara manusia dengan manusia, manusia dengan alam sekitar serta antara unsur-unsur alam. Pemahaman konsep dan generalisasi tentang proses dan interaksi pelbagai fenomena ini menjadi asas kepada kajian geografi. Oleh itu pengajaran dan pembelajaran Geografi KBSM akan memberi tumpuan khusus kepada pemahaman konsep-konsep geografi dan hubungkaitan tentang aspek-aspek geografi dalam organisasi ruangan, penguasaan dan aplikasi kemahiran geografi serta pemupukan nilai-nilai murni dan semangat patriotik.

Huraian Sukatan Pelajaran Geografi Sekolah Menengah Rendah (SMR) ini disediakan untuk memberi maklumat terperinci tentang skop dan kedalaman tajuk-tajuk bagi Tingkatan 1 hingga 3. Dokumen ini perlulah digunakan bersama-sama dengan Sukatan Pelajaran Geografi KBSM.

Huraian Sukatan Pelajaran Geografi hendaklah digunakan sebagai panduan guru untuk merancang pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru boleh mengubahsuai cadangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran mengikut keadaan setempat, tahap murid dan sumber-sumber luar bilik darjah dan sekolah.

MATLAMAT

Kurikulum Geografi membolehkan murid memahami fenomena geografi berfokus kepada negara Malaysia dan hubungannya dengan negara-negara lain supaya dapat melahirkan murid yang berilmu, bertanggungjawab, bersyukur dan mengenali serta mencintai negara Malaysia.

OBJEKTIF

Kurikulum Geografi Sekolah Menengah membolehkan murid:

1. menghubungkan aspek kedudukan, arah, skala dan jarak dalam organisasi ruang.
2. mengumpul, menyusun, menganalisis dan menyampaikan data geografi berbentuk kuantitatif dan kualitatif.
3. memberi pendapat secara kreatif dan kritis, mengenal pasti dan mengkaji masalah semasa daripada aspek geografi serta membuat keputusan dengan bertanggungjawab.
4. menjelaskan fenomena alam dan saling kaitannya dengan manusia berasaskan taburan dan pola-pola yang wujud di negara Malaysia dan negara-negara lain.
5. mengenal pasti cara hidup dan budaya pelbagai komuniti di negara lain serta menghargai ciri-ciri persamaan dan kelainannya dengan negara Malaysia.
6. memerihalkan keadaan saling memerlukan dalam sistem alam, kegiatan ekonomi, sosial dan politik antara satu negara dengan negara lain.
7. menerangkan kesan kegiatan manusia ke atas alam sekitar serta pentingnya menguruskan alam dan sumber dengan bertanggungjawab dan bijaksana.

8. mengenali, menghargai dan berbangga terhadap ciri-ciri geografi negara Malaysia yang istimewa dan unik.
9. menggabungkan pelbagai fakta geografi dan dapat membuat kesimpulan yang rasional.
10. mensyukuri dan mencintai alam, bersederhana dan bertanggungjawab ke atas sebarang tindakan dan peka terhadap perasaan serta keperluan orang lain.

KANDUNGAN MATA PELAJARAN GEOGRAFI

Kandungan mata pelajaran Geografi terbahagi kepada tiga bahagian:

Bahagian A - Kemahiran Geografi

Bahagian B - Geografi Fizikal dan Manusia (Tema 1 – Tema 8)

Bahagian C - Kajian Geografi Tempatan

Bahagian A - Kemahiran Geografi

Bahagian ini bertujuan membolehkan murid mengkaji dan menghubungkan aspek kedudukan, arah, skala dan jarak dalam organisasi ruang. Kemahiran Geografi merangkumi kemahiran membina jadual, melukis graf, carta, peta dan rajah serta membuat tafsiran.

Bahagian B - Geografi Fizikal dan Manusia

Bahagian ini bertumpu kepada kajian mengenai hubung kaitan dan interaksi antara aspek fizikal dengan aspek manusia. Kajian dilakukan berasaskan lapan tema terdiri daripada:

1. Bentuk muka bumi dan potensinya.
2. Cuaca dan iklim serta pengaruhnya.
3. Tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar.
4. Dinamik penduduk.
5. Petempatan dan perkembangannya.
6. Pengangkutan dan perhubungan.
7. Sumber.
8. Kegiatan ekonomi.

Kelapan-lapan tema ini membolehkan murid mengenal pasti, menghubungkan dan menggabungkan interaksi antara aspek fizikal dengan aspek manusia.

Bahagian C - Kajian Geografi Tempatan

Kajian ini dilaksanakan berasaskan lapan tema yang terdapat dalam Geografi Fizikal dan Manusia. Isu-isu semasa yang berkaitan dengan kelapan-lapan tema juga boleh dibuat kajian. Bahagian ini juga memberi penekanan kepada aplikasi pengetahuan dan kemahiran dalam kehidupan.

KEMAHIRAN BERFIKIR DAN KEMAHIRAN GENERIK

Berfikir merupakan satu proses mental yang memerlukan individu menggabungkan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang ada pada dirinya bagi membolehkannya memahami dan mencorakkan alam sekelilingnya. Salah satu objektif sistem pendidikan negara adalah mempertingkatkan daya berfikir di kalangan murid. Objektif ini boleh dicapai melalui kurikulum yang menekankan pembelajaran berfikir. Pembelajaran berfikir boleh dicapai jika murid dilibatkan secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam proses ini aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dirancang dapat mencungkil minda murid dan mendorongnya untuk berfikir agar mereka dapat mengkonsepsikan, menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. Pengajaran dan pembelajaran yang menekankan kemahiran berfikir dan kemahiran generik adalah teras kepada pembelajaran berfikir.

Kemahiran berfikir boleh digolongkan kepada pemikiran kritis dan pemikiran kreatif. Seseorang yang berfikir secara kritis akan sentiasa menilai sesuatu idea dengan sistematik sebelum menerimanya. Seseorang yang berfikir secara kreatif pula mempunyai daya imaginasi tinggi, berupaya menjanakan idea yang inovatif dan asli, serta boleh mengubahsuai idea dan produk yang sedia ada.

Kemahiran Berfikir Kritis

Penerangan ringkas tentang setiap kemahiran berfikir kritis adalah seperti dalam Jadual 1.

Kemahiran	Huraian
Mencirikan	Mengenal pasti kriteria seperti ciri, sifat, kualiti dan unsur sesuatu konsep atau objek.
Membanding dan membeza	Mencari persamaan dan perbezaan berdasarkan kriteria seperti ciri, sifat, kualiti dan unsur sesuatu objek atau peristiwa.
Mengumpul dan mengelas	Mengasingkan dan mengumpulkan objek atau fenomena kepada kumpulan masing-masing berdasarkan kriteria tertentu seperti ciri atau sifat. Pengumpulan ini adalah berdasarkan ciri atau sifat sepunya.
Menganalisis	Mengolah maklumat dengan menghuraikannya kepada bahagian yang lebih kecil bagi memahami sesuatu konsep atau peristiwa serta mencari makna yang tersirat.
Menilai	Membuat pertimbangan tentang sesuatu perkara dari segi kebaikan dan keburukan, berdasarkan bukti atau dalil yang sah.
Membuat kesimpulan	Membuat pernyataan tentang hasil sesuatu kajian.

Jadual 1: Kemahiran Berfikir Secara Kritis

Kemahiran Berfikir Kreatif

Penerangan ringkas tentang setiap kemahiran berfikir kreatif adalah seperti dalam Jadual 2.

Kemahiran	Huraian
Menjanakan idea	Menghasilkan idea yang berkaitan dengan sesuatu perkara.
Menghubungkaitkan	Membuat perkaitan dalam sesuatu keadaan atau peristiwa untuk mencari sesuatu struktur atau corak perhubungan.
Meramal	Membuat jangkaan tentang sesuatu peristiwa berdasarkan pemerhatian dan pengalaman lalu atau data yang boleh dipercayai.
Membuat gambaran mental	Membuat tanggapan atau membayangkan sesuatu idea, konsep, keadaan atau gagasan dalam minda atau fikiran.
Mensintesis	Menggabungkan unsur yang berasingan untuk menghasilkan satu gambaran menyeluruh dalam pelbagai bentuk seperti pernyataan, lukisan dan artifak.
Menganalogi	Membentuk kefahaman tentang sesuatu konsep yang kompleks atau mujarad secara mengaitkan konsep itu dengan konsep yang mudah atau maujud yang mempunyai ciri yang serupa.

Jadual 2: Kemahiran Berfikir Kreatif

Kemahiran Generik

Kemahiran generik berunsurkan kemahiran, kecekapan dan keterampilan. Kemahiran generik yang dikenal pasti perlu untuk murid meneroka ruang-ruang ilmu adalah seperti dalam Jadual 3.

Kemahiran	Huraian
1. Berkomunikasi	Kemahiran ini melibatkan komunikasi idea dan informasi. Ia berdasarkan kepada empat bidang utama: mengenal pasti tujuan dan respon komunikasi, pemilihan bentuk dan gaya atau stail keberkesanan komunikasi, pengubahsuaian dan semakan informasi.
2. Menggunakan Teknologi	Kemahiran ini melibatkan penggunaan alatan, memahami dan menggunakan kaedah saintifik serta prinsip teknologi Tanpa mengenyahkan etika dan tanggungjawab sosial.
3. Merancang dan Mengelola Aktiviti	Kemahiran ini menggalakkan supaya murid berkebolehan untuk merancang dan mengelola aktiviti sendiri termasuk penggunaan masa dan sumber, berupaya menentukan keutamaan dan memantau kemajuan pembangunan diri.
4. Bekerja dengan Orang Lain dan Dalam Kumpulan	Kemahiran ini berfokuskan kepada kemampuan individu berinteraksi dengan individu yang lain atau di dalam kumpulan. Ia merangkumi kesefahaman dan

	persetujuan ahli dalam mencapai matlamat. Elemen-elemen seperti tujuan dan objektif, perbezaan individu dan arah pencapaian matlamat diambil kira dalam mengukur keberkesanan kemahiran.
5. Menyelesaikan Masalah	Kemahiran ini melibatkan penggunaan kemahiran penyelesaian masalah dengan pelbagai cara dan situasi, termasuk situasi yang memerlukan pemikiran dan pendekatan kreatif dalam mencapai sesuatu keputusan.
6. Mengurus, Memilih Dan Menganalisis Maklumat	Kemahiran ini merangkumi kebolehan untuk mengenal pasti, memilih, menilai dan seterusnya menggunakan maklumat dengan berfaedah.
7. Memahami Budaya	Kemahiran ini penting bagi pembinaan negara untuk mencapai wawasan 2020. Unsur-unsur seperti perpaduan, bertolak ansur, menghormati antara satu sama lain perlu diamalkan supaya negara terus aman dan maju.

Jadual 3: Kemahiran Generik

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, penekanan haruslah diberi kepada perkembangan Kemahiran Berfikir dan Kemahiran Generik.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Selaras dengan hasrat dan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, mata pelajaran Geografi KBSM menekankan perkembangan individu yang menyeluruh dan bersepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Oleh itu pengajaran dan pembelajaran geografi hendaklah memberi tumpuan terhadap pemerolehan ilmu pengetahuan dan kemahiran asas geografi, pemupukan serta penghayatan nilai dan semangat patriotik.

Dalam usaha ke arah mencapai matlamat mata pelajaran Geografi KBSM, perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian dalam pengajaran dan pembelajaran:

1. Pendekatan bersepadu merupakan satu strategi yang penting untuk menjalin dan mengadunkan unsur-unsur ilmu, kemahiran, bahasa, nilai-nilai murni dan unsur-unsur patriotisme. Melalui pendekatan ini perkembangan kemahiran berfikir, kemahiran generik dan kemahiran belajar harus diberi penekanan. Di samping itu, pengetahuan dan kemahiran daripada mata-mata pelajaran lain serta pengalaman hidup seharian murid perlulah dihubungkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Geografi.
2. Pemahaman konsep geografi dan organisasi ruangan berasaskan keadaan negara Malaysia hendaklah diberi penekanan dan tumpuan. Pemahaman serta aplikasi konsep-konsep dan generalisasi ini akan membolehkan murid menghargai dan peka terhadap keadaan saling berkait dan saling bergantung antara manusia dengan alam sekitar.
3. Daya pemikiran murid perlu dipertingkatkan untuk membolehkan seseorang murid menyatakan idea-idea dengan jelas, objektif dan munasabah dalam sebarang situasi. Galakan membaca dan aktiviti-aktiviti yang memberi peluang berfikir secara kreatif dan kritis tentang sesuatu isu atau persoalan yang dibangkitkan hendaklah dikendalikan oleh guru. Murid dilatih menentukan perbezaan antara fakta dengan pendapat, maklumat yang berkaitan atau sebaliknya, ketepatan sesuatu kenyataan dari segi fakta, kesahihan sumber maklumat dan andaian yang dibuat.
4. Penggunaan pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan murid secara aktif adalah perlu untuk menjamin perkembangan potensi dan kebolehnya. Bagi tujuan ini, kaedah inkuiri penemuan serta pembelajaran melalui pengalaman sangat digalakkan. Antara kaedah dan teknik yang boleh digunakan termasuklah aktiviti kumpulan, kerja luar, perbincangan, kajian kes, simulasi dan main peranan. Pengalaman pembelajaran seperti ini dapat memberi peluang kepada murid untuk melahirkan pandangan sendiri, asas untuk membina semangat, membina sikap sentiasa cinta dan dahagakan ilmu, minat membaca dan belajar seumur hidup.
5. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, penekanan hendaklah dibuat terhadap pemupukan nilai-nilai murni serta unsur-unsur patriotisme terhadap negara Malaysia. Pemupukan nilai-nilai murni dan semangat patriotik diterap melalui pemahaman konsep-konsep geografi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Nilai-nilai murni seperti amanah dan bertanggungjawab boleh dipupuk dalam perbincangan tentang penggunaan dan penerokaan sumber alam. Nilai-nilai seperti bersyukur, rasa bangga dan semangat

patriotik boleh dipupuk melalui pemahaman bahawa negara kita dianugerahi dengan pelbagai sumber, keindahan alam serta pembangunan yang dinamik. Semangat patriotik dipupuk berasaskan pemahaman bahawa kita perlu mencintai negara Malaysia, bersatu dalam kepelbagaian, berusaha membangunkan negara Malaysia dan mempertahankan negara Malaysia. Melalui aktiviti kerja kumpulan, nilai bekerjasama, kejujuran dan bertanggungjawab dapat dipupuk di kalangan murid.

6. Penguasaan pelbagai kemahiran belajar seperti pengurusan masa, membina peta minda dan belajar berpanduan peta hendaklah dilakukan untuk mempertingkatkan daya pemikiran dan membolehkan murid menguruskan pembelajaran sendiri. Penguasaan pelbagai kemahiran belajar seperti kemahiran mengumpul, merekod, mengelas, menilai, mentafsir, merumus dan mengaplikasi maklumat serta menggunakan pelbagai sumber diberi penekanan yang lebih untuk mempertingkatkan pembelajaran.
7. Penguasaan kemahiran sosial seperti kemahiran berkomunikasi dalam kelas, kumpulan dan masyarakat harus dipentingkan. Kebolehan menyoal dan menemu bual serta menerima pendapat orang lain secara sopan merupakan kemahiran-kemahiran yang harus dikuasai.
8. Dalam menjalankan aktiviti bilik darjah, pengalaman murid dan pengalaman pembelajaran harus disusun atur dengan mengambil kira pelbagai kecerdasan murid agar murid itu dapat belajar dengan cara tersendiri dan dalam keadaan yang paling sesuai. Maka kaedah dan aktiviti yang berbeza perlu dirancang untuk murid yang berbeza kecerdasan. Menurut

Teori Kecerdasan Pelbagai (Multiple Intelligences), manusia mempunyai sekurang-kurangnya lapan kecerdasan (intelligences) yang merangkumi pelbagai kebolehan, keupayaan, bakat atau kemahiran yang wujud secara semula jadi. Pembelajaran individu adalah lebih mudah sekiranya ia dijelaskan dalam bentuk yang selaras dengan kecerdasan dominan sedia ada. Kecerdasan yang dikenal pasti adalah visual/ruang, verbal linguistik, muzik/irama, kinestetik, logikal/matematik, perhubungan antara individu, perhubungan dengan diri sendiri dan pemahaman tentang alam sekitar.

9. Penguasaan kemahiran Kajian Masa Depan hendaklah dilakukan untuk membolehkan murid sedar tentang sesuatu isu atau permasalahan yang berlaku pada masa lampau, masa kini dan masa depan. Ini bermakna murid dapat membuat ramalan, menjangka akibatnya serta mengendalikan perubahan supaya mendapat manfaat yang maksimum.
10. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi seperti internet, laman web, e-mail, CD-Rom dan sidang telekomunikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran hendaklah digalakkan.

ORGANISASI KURIKULUM

Huraian Sukatan Pelajaran Geografi ini bertujuan untuk memberi maklumat terperinci tentang tajuk-tajuk yang akan diperkembangkan dalam Tingkatan 1, 2 dan 3.

Isi kandungan pelajaran dipersembahkan dalam lima lajur iaitu 'Tajuk', 'Konsep', 'Hasil Pembelajaran', 'Unsur Patriotisme' dan

`Cadangan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran'. Dalam lajur `Tajuk', disenaraikan tajuk-tajuk daripada Sukatan Pelajaran. Dalam lajur `Konsep' disenaraikan konsep-konsep yang perlu dikuasai oleh murid mengikut tajuk pelajaran. Lajur `Hasil Pembelajaran' mengandungi pengetahuan dan kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid dalam sesuatu tajuk. Dalam lajur `Unsur Patriotisme', dicadangkan unsur-unsur patriotisme yang perlu diterapkan kepada murid. Lajur `Cadangan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran' merupakan panduan tentang bagaimana menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Lajur `Hasil Pembelajaran' diperincikan kepada tiga aras, iaitu Aras 1, Aras 2 dan Aras 3 dalam bentuk objektif perlakuan yang boleh diukur. Objektif ini mengikut peringkat dalam domain kognitif, psikomotor dan afektif.

Kajian Geografi Tempatan dipersembahkan dalam empat lajur iaitu `Tajuk', `Objektif Kajian', `Unsur Patriotisme' dan `Cadangan Aktiviti Pembelajaran'. Dalam lajur `Tajuk', dipersembahkan tajuk yang dipilih. Dalam lajur `Objektif Kajian', dipersembahkan tujuan kajian dijalankan. Dalam lajur `Unsur Patriotisme', dicadangkan unsur-unsur patriotisme yang perlu diterapkan kepada murid. Lajur `Panduan Menjalankan Kajian Geografi Tempatan' merupakan panduan tentang bagaimana menjalankan Kajian Geografi Tempatan.

Aras Hasil Pembelajaran

Aras 1

Aras 1 adalah aras yang asas dan perlu dikuasai oleh semua murid. Pada aras ini murid perlu menguasai beberapa konsep

asas geografi. Ini dapat ditunjukkan melalui objektif perlakuan ternyata murid seperti mengenal pasti, menyenaraikan, menyatakan, menamakan dan memadankan.

Aras 2

Aras 2 pula adalah aras yang lebih tinggi daripada Aras 1 dalam urutan pengajaran dan pembelajaran. Pada aras ini murid boleh menguasai beberapa lagi perlakuan ternyata seperti menerangkan, menjelaskan, menghuraikan dan membandingkan.

Aras 3

Aras 3 pula adalah aras yang tertinggi dalam urutan pengajaran dan pembelajaran. Pada aras ini, murid mampu menguasai beberapa lagi perlakuan ternyata pada tahap yang lebih tinggi seperti merumus, membandingkan dan membezakan, menganalisis dan mencadangkan.

Ada kemungkinan tidak semua murid berkemampuan menguasai aras 2 dan 3. Walau bagaimanapun guru hendaklah meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran hingga ke aras 3 untuk semua murid.

Tidak semua hasil pembelajaran mengandungi semua aras 1, 2 dan 3. Sebaliknya terdapat juga sebahagian hasil pembelajaran yang hanya setakat aras 2 sahaja. Ini kerana pada aras 2 tersebut murid telah pun dapat menguasai sepenuhnya objektif pembelajaran yang hendak disampaikan.

Nilai-nilai murni dan unsur-unsur patriotisme harus diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Guru perlulah merujuk kepada semua maklumat yang terkandung dalam setiap lajur untuk mengetahui tumpuan, kedalaman dan keluasan sesuatu tajuk.

OBJEKTIF MATA PELAJARAN GEOGRAFI TINGKATAN 1

Kurikulum Geografi Tingkatan 1 membolehkan murid:

1. menentukan kedudukan berpanduan baris, lajur, arah, skala lurus dan jarak dari rumah ke sekolah.
2. memperoleh kemahiran membaca, melukis dan mentafsir ciri-ciri geografi berasaskan jadual, graf bar mudah, graf garisan, pelan dan peta lakar.
3. memerhati, mengukur, mengira, merekod, mengelas, mentafsir dan membuat rumusan tentang ciri-ciri geografi melalui Kajian Geografi Tempatan.
4. nyata dan menjelaskan ciri-ciri geografi yang istimewa yang terdapat pada bentuk muka bumi, cuaca dan iklim di kawasan setempat dan negara.
5. menyatakan saling kaitan antara manusia dengan alam sekitar fizikal.
6. menerangkan kesan kegiatan manusia terhadap alam sekitar fizikal dan pentingnya menghargai dan menguruskan sumber-sumber alam dengan bertanggungjawab dan bijaksana.
7. menyedari dan menghargai pelbagai cara hidup di dunia.
8. memerihalkan keindahan alam serta kekayaan sumber yang ada di dalam negara dan dunia.
9. bersyukur dengan pelbagai anugerah Tuhan.
10. mempunyai semangat patriotik terhadap negara Malaysia.

BAHAGIAN A: KEMAHIRAN GEOGRAFI

Bahagian ini bertujuan membolehkan murid mengkaji dan menghubungkan aspek kedudukan, arah, skala dan jarak dalam organisasi ruangan.

Kandungannya tertumpu kepada pemerolehan kemahiran menggunakan kompas, alat ukur, atlas dan glob. Selain itu, kemahiran berkaitan dengan cara menyampaikan maklumat berbentuk grafik seperti jadual, graf, pelan, rajah dan peta juga ditegaskan. Cara mentafsir jadual, graf, pelan, rajah dan peta diberi penekanan supaya murid boleh menentukan kedudukan, arah, skala dan jarak pelbagai ciri geografi di kawasan tempatan.

Pembelajaran kemahiran berkaitan dengan kedudukan, arah, skala dan jarak hendaklah dijalankan melalui kerja amali untuk membolehkan murid menggunakan alam persekitarannya sebagai asas pembelajaran. Kemahiran seperti memerhati, mengukur, merekod, melakar peta, melukis pelan, jadual, graf, melabel dan mentafsir jadual serta peta hendaklah dilaksanakan.

Aplikasi kemahiran-kemahiran tersebut perlu sentiasa dilaksanakan dalam Geografi Fizikal dan Manusia dan Kajian Geografi Tempatan.

Penggunaan atlas secara betul dan penekanan terhadap unsur-unsur patriotisme adalah digalakkan semasa pengajaran dan pembelajaran Geografi.

BAHAGIAN A: KEMAHIRAN GEOGRAFI

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
1. Kedudukan	Kedudukan relatif	<p>Memahami kedudukan sesuatu tempat berdasarkan kordinat dan kedudukan relatif.</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan kedudukan sesuatu tempat dengan menggunakan kordinat mudah seperti lajur dan baris. • Memberi contoh kedudukan murid dalam kelas mengikut lajur dan baris. • Menyatakan kedudukan relatif sesuatu tempat. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melukis pelan kedudukan murid dalam kelas mengikut lajur dan baris. 		<p>Menunjuk cara menyatakan kedudukan murid di dalam kelas mengikut lajur dan baris.</p> <p>Menyatakan kedudukan sesuatu tempat seperti kantin dan bilik guru dari titik rujukan berdasarkan kerja lapangan.</p> <p>Menjalankan kerja lapangan untuk menentukan kedudukan kawasan di sekitar sekolah seperti kantin dan bilik guru.</p> <p>Mencari harta karun dengan merujuk lajur dan baris.</p>

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
2. Arah	Arah	<p>Menentukan arah dengan menggunakan kompas.</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan arah mengikut lapan arah mata angin. • Melukis lapan arah mata angin berpandukan kompas. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menjelaskan arah mengikut lapan arah mata angin dengan menggunakan kompas dari titik rujukan yang dipilih dalam peta lakar/pelan. • Menjelaskan arah mengikut lapan arah mata angin dengan menggunakan kompas dari titik rujukan yang dipilih berdasarkan kerja lapangan di kawasan sekolah. 		<p>Menunjuk cara menyatakan arah mengikut lapan arah mata angin dengan menggunakan kompas.</p> <p>Menjalankan kerja lapangan untuk mencari arah dengan menggunakan kompas.</p>

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
3. Skala dan Jarak	Jarak	<p>Mengenal skala dan jarak.</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti dan melukis skala lurus • Mengukur panjang dan lebar bilik darjah dengan menggunakan skala lurus. • Mentakrifkan konsep jarak • Menyatakan jarak dari rumah ke sekolah. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melukis pelan bilik darjah berasaskan skala lurus. • Mengira jarak relatif dan jarak mutlak dari rumah ke sekolah. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengira jarak relatif dan jarak mutlak di peta lakar. 		<p>Menunjuk cara mengukur jarak dengan menggunakan skala lurus.</p> <p>Membincangkan jarak relatif dan jarak mutlak rumah murid ke sekolah, pekan atau bandar yang berdekatan.</p>

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
4. Graf		<p>Mengaplikasikan maklumat dalam bentuk jadual dan graf.</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengumpul dan merekod data bilangan murid mengikut jenis pengangkutan yang digunakan ke sekolah. • Memilih data yang relevan. • Menyusun maklumat dan data dalam bentuk jadual. • Membina graf bar mudah dan graf garisan berdasarkan jadual. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membina graf bar mudah dan graf garisan berdasarkan jadual, menggunakan label yang betul dan petunjuk yang sesuai. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mentafsir jadual, graf bar mudah dan graf garisan. 		<p>Membincangkan pelbagai kaedah mengumpul dan merekod data.</p> <p>Menunjuk cara teknik membina jadual dan graf - penggunaan komputer digalakkan</p> <p>Menunjuk cara mentafsir jadual, graf bar mudah dan graf garisan.</p> <p>Menggunakan komputer untuk membina jadual dan melukis graf.</p>

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
5. Peta	Kedudukan Arah Jarak	<p>Memahami ciri-ciri fizikal dan budaya dalam peta lakar.</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti ciri-ciri fizikal dan budaya berdasarkan simbol dalam peta lakar. <ul style="list-style-type: none"> •bukit •sungai •hutan •paya •sekolah •rumah ibadat •jalan raya •jalan keretapi •petempatan • Menyatakan kedudukan, arah dan jarak ciri-ciri geografi yang diperhatikan. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> •Mengaplikasikan simbol-simbol yang mewakili ciri-ciri fizikal dan budaya ke dalam peta lakar. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mentafsir peta lakar. 	<p>* Mencintai negara Malaysia</p> <ul style="list-style-type: none"> - bersyukur terhadap keunikan ciri-ciri fizikal dan budaya di kawasan persekitaran. 	<p>Menunjuk cara untuk menentukan kedudukan, arah dan jarak ciri-ciri fizikal dan budaya pada peta lakar.</p> <p>Menunjuk cara melukis simbol untuk menunjukkan ciri-ciri fizikal dan budaya pada peta lakar.</p> <p>Mengkaji secara kumpulan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - peta lakar - peta bergambar - peta pelancongan

BAHAGIAN B: GEOGRAFI FIZIKAL DAN MANUSIA

Geografi adalah kajian tentang organisasi ruangan hasil daripada pelbagai saling kaitan dan interaksi antara manusia dengan alam sekitar serta antara unsur-unsur alam.

Geografi Fizikal dan Manusia di peringkat ini, diasaskan kepada tiga tema iaitu Bentuk Muka Bumi dan Potensinya, Cuaca dan Iklim serta Pengaruhnya, Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar.

Kajian Geografi Fizikal dan Manusia memberi tumpuan kepada pelbagai bentuk muka bumi serta hubung kait antara bentuk-bentuk muka bumi tersebut. Kandungan juga menekankan kajian mengenai cuaca dan iklim serta pengaruhnya terhadap kegiatan manusia, bentuk muka bumi, tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar serta usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar bagi menjamin kualiti hidup dan penggunaan sumber alam.

Kemahiran Geografi perlu diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran untuk mengukuhkan persepsi murid terhadap organisasi ruangan.

Unsur-unsur patriotisme diberi penekanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

TEMA 1: BENTUK MUKA BUMI DAN POTENSINYA

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
1.1 Bentuk muka bumi	Lembangan	<p>Memahami kepelbagaian bentuk muka bumi negara Malaysia.</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> Menyatakan pelbagai bentuk muka bumi negara Malaysia <ul style="list-style-type: none"> •tanah tinggi •tanah pamah •lembangan •pinggir laut Mengenal pasti kepelbagaian bentuk muka bumi negara Malaysia berpandukan peta <ul style="list-style-type: none"> •tanah tinggi •tanah pamah •lembangan •pinggir laut <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> Menghuraikan dengan contoh kedudukan dan keistimewaan pelbagai bentuk muka bumi negara Malaysia. 	<p>* Mencintai negara Malaysia</p> <ul style="list-style-type: none"> - berbangga terhadap keindahan alam semula jadi negara Malaysia. 	<p>Membincangkan kedudukan dan keistimewaan pelbagai bentuk muka bumi negara Malaysia berpandukan pelbagai media seperti peta bentuk muka bumi Malaysia dan internet.</p> <p>Menghasilkan buku skrap bentuk muka bumi negara Malaysia.</p> <p>Menghasilkan model bentuk muka bumi negara Malaysia secara kumpulan.</p>

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
a.Tanah tinggi	Lipatan	<p>Memahami sistem gunung lipat.</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti rangkaian banjaran gunung negara Malaysia. • Menamakan rangkaian banjaran dan gunung utama di atas peta Malaysia. • Menyatakan banjaran gunung negara Malaysia adalah sebahagian daripada sistem Banjaran Gunung Asia. • Menyatakan dua jenis sistem gunung lipat <ul style="list-style-type: none"> • gunung lipat muda • gunung lipat tua <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menjelaskan dengan contoh rangkaian banjaran gunung negara Malaysia dalam sistem Banjaran Gunung Asia. 	<p>* Mencintai negara Malaysia</p> <ul style="list-style-type: none"> - bersyukur kerana negara Malaysia bebas daripada kejadian gunung berapi dan gempa bumi. 	<p>Menerangkan kedudukan rangkaian banjaran dan gunung negara Malaysia dan Asia dengan menggunakan pelbagai media seperti peta, atlas dan internet.</p> <p>Mencari maklumat melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> - tayangan video - internet - majalah/akhbar

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
b. Tanah Pamah		<ul style="list-style-type: none"> Menjelaskan ciri-ciri sistem gunung lipat <ul style="list-style-type: none"> • gunung lipat muda • gunung lipat tua <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> Membandingkan dan membezakan ciri-ciri sistem gunung lipat. <p>Mengetahui taburan tanah pamah dan dataran negara Malaysia.</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> Menyenaraikan contoh-contoh tanah pamah dan dataran negara Malaysia. Menamakan tanah pamah dan dataran utama negara Malaysia di atas peta. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> Menjelaskan dengan contoh kepentingan kawasan tanah pamah dan dataran negara Malaysia. 		Mencari maklumat tentang kedudukan tanah pamah dan dataran negara Malaysia serta kepentingan berpandukan pelbagai media seperti peta, cakera padat dan internet.

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
